



جباٰن ڪحاٰكيم شرعيٰه مالٰيسيٰ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 6 Zulkaedah 1421
Tarikh : 31 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2000

Kaedah Perbilangan Pendaftaran Kes

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1/2000 pada 11 Mei 2000 di Kota Bharu Kelantan dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 16 pada 26 Jun 2000 bersamaan 26 Rabiulawal 1421 di Kota Kinabalu Sabah telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung cara menentukan bilangan fail kes yang melibatkan isu kes yang bertindih-tindih didalam satu tuntutan atau permohonan.

2. Mulai 1 Mac 2001 ditetapkan bahawa :-

- 2.1. Kes-kes yang diselesaikan secara sulu hanya dikira sebagai satu kes sahaja mengikut fail induk yang didaftarkan.
- 2.2. Sekiranya dalam satu permohonan/tuntutan terdapat beberapa permohonan yang difaiklan secara berasingan, pihak-pihak boleh membuat permohonan untuk penyatuhan prosiding tetapi penyelesaiannya masih dikira mengikut pecahan kes yang dibicarakan itu.
- 2.3. Merujuk kepada kes perceraian dengan persetujuan, sekiranya terdapat tuntutan-tuntutan sampingan yang dipersetujui maka ia dikira mengikut satu kes (iaitu kes cerai dengan persetujuan) manakala jika terdapat tuntutan-tuntutan yang tidak dipersetujui dan diminta dibicarakan maka tuntutan yang dibicarakan itu hendaklah dibuat berasingan dan dikira mengikut pecahan kes.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur
18 Disember 2000.